

# KE MANA HENDAK DIBAWA...?

## BANTAHAN HAWA NAFSU KEPADA FATWA BERDASARKAN AL-QURAN DAN AL-HADITH

### PENCEROBOH-PENCEROBOH YANG MENENTANG DALIL-DALIL AL-QURAN DAN AL-HADITH MASIH MENGAKU SEBAGAI ORANG ISLAM

Fatwa yang umum yang diterbitkan oleh Majlis Ulama Singapura, sebagaimana yang diterbitkan di dalam akhbar mengharamkan perempuan-perempuan Islam berpolitik dengan secara umum itu nampaknya telah mengelirukan orang ramai dan keterangan yang ringkas daripada Majlis Agama Islam Kelantan tentang perempuan-perempuan dan pilihan raya pun telah menaikkan berang kaum yang berpandu kepada hawa nafsu sehingga dengannya banyak yang mengeluarkan fikiran yang di antara fikiran-fikiran ini tidak sedikit pun membawa dalil daripada Al-Quran dan Al-Hadith tetapi fikiran-fikiran mereka didasarkan kepada hawa nafsu. Dengan kerana itulah kita terpaksa mengadakan tambahan khas dalam keluaran ini untuk mengupas pendapatan-pendapatan mereka itu memadankannya dengan fatwa daripada Lajnah Al-Fatwa Al-Azhar yang diketuakan oleh Sahib Al-Fadhilat Al-Syeikh Muhammad Abdul Fatah Al-Ghanani supaya kita dapat memikirkan dengan tepat adakah fatwa itu disandarkan kepada nas syarak atau daripada hawa nafsu mereka itu.

Dengar apa yang dikatakannya – Jangan dipandang siapa yang mengatakannya – Saidina Ali

Sebelum memberi pandangan dalam perkara yang tersebut terutama atas perkara adakah perempuan itu diluluskan mengatur pertadbiran negeri atau adakah perempuan itu diluluskan menjadi pengundi atau diundi di dalam pilihan raya serta menentukan di mana kedudukan-kedudukan perempuan di atas hak-haknya maka terlebih dahulu molek di sini kita menunjukkan bantahan-bantahan yang didatangkan orang dengan tidak memberi alasan walau sedikit pun. Di mana ambilan mereka daripada Al-Quran dan Al-Hadith dan ada pula setengah-setengah mereka itu seperti Tuan Basyir Malal yang membawa fikiran orang lain yang membawa pandangan bahawa tidak ada perbezaan hak di antara lelaki dan perempuan dan ada pula setengah-setengahnya membawa hujah dengan jalan riwayat perang “Al-Jamal” serta ada pula dengan rupa yang mengejek mengatakan bahawa tidak patut Majlis Ulama itu membawa fatwa demikian kerana menurut fikiran mereka lebih baik ulama dahulu membetulkan hal pelacuran dan seumpamanya.

Bagi yang akhir disebut ini kita suka memberi pandangan kepadanya bahawa membetulkan sendi masyarakat di dalam Islam itu

bukannya tertentu kepada ulama sahaja tetapi terletak kepada tiap-tiap orang- jika penulis itu lelaki maka kewajipannya terlebih dahulu daripada yang lain ialah dirinya, isterinya, anaknya dan rumahtangganya di sinilah kewajipannya yang terlebih besar, mendidik anaknya –jika ia perempuan maka hendaklah mendidik anak perempuannya itu menjadi perempuan Islam yang sebenarnya yang berpandu kepada ajaran Al-Quran dan jika anaknya lelaki maka di dalam jiwa anaknya itu hendaklah ditanamkan bakat yang akan menjadi mujahid pembela agama Islam. Jadi kewajipan itu diajarkan oleh Islam telah membentuk rumahtangga masing-masing bukan ditentukan tanggungan itu kepada ulama sahaja kerana rumahtangga tuan bukan rumahtangga ulama itu sendiri.

Sekarang kita suka bertanya adakah sudah ibu-ibu kita menunaikan kewajipan rumahtangganya itu terlebih dahulu daripada ia memasuki siasah mengikut kehendak mereka itu?!

Adapun tentang pendapatan Tuan Basyir Malal yang nampaknya belum lagi membawa fatwa Lajnah Al-Azhar itu lalu mengambil fahaman

daripada rencana “Islamic Review” dan pendapat Maulana Abu Al-Kalam Azadnya maka kita suka memberi perbandingan kepada yang tersebut bahawa pendapat yang diambilnya itu tidak sedikit pun bersandar kepada alasan Al-Quran dan Al-Hadith yang boleh kita ikut kepadanya oleh kerana yang diwajibkan di atas tiap-tiap kita mengikutnya ialah perkara-perkara yang ada keterangannya daripada nas Al-Quran dan Al-Hadith serta ijmak sahabat – selain daripada itu adalah ia fikiran yang boleh kita tolak kalau dia berlawanan dengan faham dan ijihad kita.

Di dalam keterangan yang dibawanya dan dibawa oleh orang lain untuk menjadikan hujah mengharuskan perempuan memilih dan dipilih dalam pilihan raya itu ialah tentang diri Saidatina Aisyah di dalam perang “Al-Jamal” dan berkenaan perempuan mengambil bahagian di medan perang pada zaman Rasulullah (SAW). Pengambilan penulis-penulis tersebut hanya dengan cara begitu sahaja tidak dengan mengikut kaedah-kaedah tawarikh yang betul dan benar di dalam mana Saidatina Aisyah sendiri telah menyesal melakukan langkahnya itu dan membelakangkan tegahan-tegahan sahabat-sahabat yang lain yang telah memberi ingat kepadanya akan perintah Allah yang termaktub di dalam surah Al-Ahzab ayat 33 yang maksudnya: “Dan diam tetaplah kamu di rumah kamu dan janganlah kamu mendedahkan diri sebagaimana pendedahan perempuan-perempuan jahiliah dahulu kala.” (Lebih lanjut baca keterangan ini di dalam risalah Lajnah fatwa Ulama Al-Azhar dengan tajuk “Perempuan Islam dan pilihan raya” – yang juga mengulas tentang kedudukan perempuan-perempuan di dalam masa ketinggian dan kebangkitan Islam tatkala Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah maka tidak ada perempuan-perempuan yang mengundi dan mengambil bahagian mengaku taat setia sebagaimana yang dilakukan oleh kaum lelaki).



*Dr Mohammad Hatta tatkala singgah di Karachi dalam pemergiannya menunaikan fardhu haji telah dikerumuni oleh wartawan-wartawan Pakistan. Semuanya bergembira dan bersyukur atas langkahan Hatta.*

Tuan Basyir Malal yang juga telah menyampaikan katanya kepada kita- sebagaimana juga orang lain berkata bahawa fatwa Ulama Al-Azhar itu dikeluarkan dalam masa Farouq. Kita suka bertanya kepadanya adakah ia lupa kepada perkataan Saidina Ali yang maksudnya “Jangan dipandang kepada siapa yang mengatakan tetapi pandang apa yang dikatakannya”- dengan itu kita tidak memandang siapa pengarang “Islamic Review. Siapa Maulana Abu Al-Kalam Azad dan siapa Muhammad Abdul Fatah Al Ghanani dan Lajnah fatwanya tetapi yang mesti kita pandang hujah-hujah dan ijmak sahabat serta tawarikh sahabat yang meriwayatkan Hadith yang diriwayatkannya yang diakui digunakan oleh syarak yakni Hadith-Hadith sahih yang tidak berlawanan dengan kehendak Al-Quran – tidak daripada fikiran-fikiran atau fahaman-fahaman daripada orang lain seperti fahaman Maulana Abu Al-Kalam Azad dan seumpamanya itu kerana yang dipegang (sambungan pada muka 47)